

Kuota untuk pelajar Sabah kekal 40 peratus

Dalam Universiti Malaysia Sabah

KOTA KINABALU: Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak kelmarin berkata polisi memperuntukkan 40 peratus tempat untuk penduduk Sabah dalam Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan terus dikekalkan.

Beliau berkata kuota itu akan dikekalkan untuk membuktikan komitmen universiti kepada Sabah yang memerlukan tenaga pakar dan berke-

layakan.

Meskipun negara menghadapi kegawatan ekonomi, pembinaan kampus tetap di Teluk Likas tidak akan terjejas.

Fasa pertama dijangka akan siap pada Mei tahun depan, katanya.

Beliau berkata empat blok tempat akademika akan siap terlebih dahulu manakala lima blok untuk pentadbiran akan dibina kemudiannya.

Kerajaan akan menjimatkan RM170 juta untuk pembinaan blok pentadbiran itu, katanya kepada pemberita selepas memberikan ceramah mengenai "Era Globalisasi: Peranan dan Tanggungjawab Institusi Pengajian Tinggi" di kampus sementara universiti itu di Telipok dekat sini.

Beliau kemudiannya sama-sama berbuka puasa dengan pekerja dan pelajar universiti itu.